

Nasional

UPNM perlu berani teroka pelbagai bidang ilmu

Teknologi pertahanan kini jauh beza berbanding ketika ATM ditubuhkan

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya: Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) semalam, mahu universiti itu mengambil langkah berani melebarkan alam keilmuan.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, UPNM perlu mengorak langkah meneroka pelbagai bidang yang sejajar dengan misi, visi dan

objektif penubuhannya. "Dunia kini berdepan landskap politik, ekonomi dan strategik yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Tumpuan pengajian UPNM juga perlu bergerak sejajar dan seiring dengan perubahan dimensi keselamatan sejagat dan persekitaran strategik.

"Dunia kini sedang dilanda era Revolusi Industri 4.0 bermakna teknologi pertahanan ketika ini sangat jauh berbeza berbanding ketika Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ditubuhkan, 68 tahun



Al-Sultan Abdullah menganugerahkan ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Jeneral (B) Abdul Rahman Abdul Hamid pada Istiadat Pemasyihuran Canselor dan Konvokesyen UPNM di PICC, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

lalu," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah memaklumkan, ketika ini muncul ekosistem baharu yang berupaya mengubah struktur dan kaedah pertahanan sesebuah negara, sekali gus memerlukan UPNM mengembang-pengajiannya mencakupi bidang digital dan automasi pertahanan serta sistem siber fizikal pertahanan.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Istiadat Pemasyihuran Tuanku Canselor dan Konvokesyen UPNM Ke-10 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Watikah pemsyihuran dipersembahkan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu pada majlis istiadat itu yang turut dihadiri Raja Permaisuri Agong, Tuanku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Yang hadir sama, Pro-Canselor UPNM yang juga Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Jeneral (B) Tan Sri Dr Mohamed Ghazali Mohd Seth.

Yang turut hadir, Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin dan Pengerusi Lem-

baga Pengarah UPNM, Tan Sri Dr Syed Azman Syed Ibrahim.

Al-Sultan Abdullah turut berkenaan menyerahkan watikah pelantikan sebagai Pro-Canselor UPNM kepada bekas Panglima ATM, Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor.

Konvokesyen lima hari menyaksikan 969 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing, membabitkan 14 graduan doktor falsafah (PhD), 42 graduan sarjana, 229 pegawai kadet dan 325 graduan awam ijazah sarjana muda serta 360 graduan diploma.